



2,500 hektar tanam kenaf

■ **Bantu tingkat keluaran
hasil sehingga 10 tan**

SEBAHAGIAN pengusaha kenaf dan tembakau yang hadir di di Majlis Town Hall, Industri Kenaf dan Tembakau.

Muhamaad Razis Ismail
razis@nstp.com.my

Kota Bharu

Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) menyasarkan penanaman kenaf seluas 2,500 hektar di seluruh negara pada tahun ini.

Pengerusi LKTN Wan Abd Rahim Wan Abdullah berkata, pada tahun lalu tanaman kenaf ditanam pesertanya di kawasan seluas 2,213 hektar.

Menurutnya, pihaknya berharap dengan peningkatan penanaman kenaf itu

akan membantu pihaknya mengeluarkan hasil antara lapan tan hingga 10 tan sehektar.

“Pencapaian bagi tanaman kenaf dan benihnya sehingga Ogos 2018 adalah seluas 1,350 hektar dengan pembabitan seramai 694 pekebun kecil,” katanya selepas merasmikan Town Hall, Industri Dan Tembakau di sini, semalam.

Hadir sama Senator

Husam Musa dan Ketua Pengarah LKTN Samsudin Noor.

Bagi industri tembakau pula, Wan Abd Rahim berkata, pihaknya berjaya mengimport 31,557 juta kilogram tembakau hiris dengan nilai RM1.06 bilion bagi pengilangan rokok dan pemrosesan produk tembakau.

“Sehingga Ogos 2018, seba-

nyak 135 hektar tembakau hiris ditanam di sekitar negeri ini membabitkan seramai 92 penanam.

“Daripada jumlah itu, LKTN merekodkan nilai pengeluaran sebanyak RM1.7 juta,” katanya.

Mengulas lanjut, pihaknya sentiasa berusaha untuk membangunkan industri kenaf dan kawal selia industri tembakau, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan negara menerusi industri komoditi.

“Tanaman kenaf mempunyai potensi tinggi dan mampu menjadi komoditi baru yang bukan saja digunakan dalam negara malah dieksport,” katanya.



WAN Abd
Rahim